**JABATAN DIGITAL NEGARA**
**KEMENTERIAN DIGITAL**

# KOMPILASI
# DOKUMEN DASAR JABATAN DIGITAL NEGARA
# YANG MASIH BERKUAT KUASA
# BILANGAN 1 TAHUN 2025
# (SEHINGGA 1 DISEMBER 2025)

# KANDUNGAN

**PERKARA** **MUKA SURAT**

KANDUNGAN ........................................................................ i
AKRONIM ........................................................................ ii
PENGENALAN ........................................................................ iii
A. KATEGORI: AKTA ........................................................................ 1
B. KATEGORI: PELAN STRATEGIK DAN DASAR UMUM ........................................ 2
C. KATEGORI: PEKELILING ........................................................................ 4
D. KATEGORI: SURAT PEKELILING ........................................................ 11
E. KATEGORI: SURAT ARAHAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA .................... 12
F. KATEGORI: SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH ........................................ 13
G. KATEGORI: GARIS PANDUAN ........................................................ 20
H. KATEGORI: ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA *(Untuk kegunaan warga Jabatan Digital Negara sahaja)* ............ 24

# AKRONIM

| AKRONIM | PENERANGAN |
|---|---|
| ASDF | Anjakan Strategi Digital First |
| BDD | Bahagian Penyelarasan Dasar Pendigitalan |
| BKD | Bahagian Kerajaan Digital |
| BKP | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| BPA | Bahagian Pembangunan Aplikasi |
| BPD | Bahagian Perundingan Digital |
| BPG | Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan Digital |
| BPKK | Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat |
| BPPD | Bahagian Perancangan Perkhidmatan Digital |
| BSA | Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur Digital |
| BTM | Bahagian Teknologi Maklumat |
| JDN | Jabatan Digital Negara |
| JITIK | Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan |
| K | Kluster |
| PA | Pekeliling Am |
| PKPA | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam |
| PP | Pekeliling Perkhidmatan |
| PPPA | Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam |
| PSPSA | Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam |
| PTPA | Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam |
| SAKP | Surat Arahan Ketua Pengarah |
| SPA | Surat Pekeliling Am |
| ST | Strategi Tumpuan |
| UI | Unit Integriti |
| WoG | *Whole-of-Government* |

# PENGENALAN

Jabatan Digital Negara (JDN) memainkan peranan penting dalam memacu perubahan landskap pendigitalan di Sektor Awam Malaysia. Sejajar dengan rombakan kabinet pada 12 Disember 2023, JDN (dahulunya Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri) disusun semula di bawah Kementerian Digital, susulan pemecahan Kementerian Komunikasi dan Digital kepada dua (2) kementerian yang berbeza. Sebagai salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Digital, JDN diamanahkan untuk meneraju transformasi kerajaan digital selaras dengan hasrat kementerian ke arah pembangunan Negara Digital.

Dokumen dasar JDN dikeluarkan dalam bentuk Akta, Pekeliling, Surat Pekeliling, Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara, Surat Arahan Ketua Pengarah dan Garis Panduan. Pada masa ini, pendekatan JDN menetapkan bahawa semua dokumen dasar Sektor ICT MAMPU terdahulu kekal berkuat kuasa sehingga dibatalkan. JDN sedang mengemas kini dokumen dasar Sektor ICT MAMPU tersebut (mana yang berkaitan) bagi memastikan ia terus relevan sebagai rujukan agensi Sektor Awam selaras dengan peranan semasa JDN. Sehingga 1 Disember 2025, sebanyak 51 dokumen dasar JDN (terkini dan termasuk dokumen dasar Sektor ICT MAMPU) terpakai di JDN. Dokumen lengkap boleh dimuat turun di Repositori Dasar Jabatan Digital Negara (https://www.jdn.gov.my).

Dokumen dasar JDN juga dipadankan dengan 10 Kluster di bawah 3 Strategi Tumpuan seperti di Jadual 1. Pemadanan ini memastikan setiap inisiatif JDN dilaksanakan secara lebih terarah, selaras dengan keutamaan strategik negara serta mampu memacu penyampaian perkhidmatan digital yang lebih berkesan.

**Jadual 1: Strategi Tumpuan dan Kluster Dokumen Dasar Jabatan Digital Negara**

| | |
|---|---|
| **STRATEGI TUMPUAN 1 - PEMANTAPAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN DIGITAL/ORGANISASI** | |
| Kluster 1: Tadbir Urus | Pendekatan kawal selia bagi memastikan pengurusan, pembangunan perkhidmatan digital dan penggunaan teknologi digital dilaksanakan secara telus, berintegriti dan berakauntabiliti. |
| Kluster 2: Pengurusan Kepimpinan Digital | Pendekatan strategik kepimpinan sektor awam yang menerajui dan menyokong transformasi digital. |
| Kluster 3: Perancangan Strategik | Perancangan hala tuju dan tindakan organisasi dengan memanfaatkan teknologi digital secara menyeluruh bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. |
| Kluster 4: Pengurusan Perolehan dan Kewangan | Pengurusan perolehan dan kewangan dilaksanakan secara teratur, telus dan berkesan bagi memastikan keperluan serta objektif perkhidmatan kerajaan dapat dicapai dengan optimum. |
| Kluster 5: Pengurusan Persekitaran Digital | Pengurusan persekitaran digital yang menyepadukan platform, teknologi dan perkhidmatan digital bagi mewujudkan nilai bersama, mempercepat inovasi serta menyokong transformasi digital secara mampan. |
| Kluster 6: Pengurusan Sumber Manusia | Pengurusan sumber manusia bagi meningkatkan kecekapan organisasi. |
| **STRATEGI TUMPUAN 2 - PEMANFAATAN PENDIGITALAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN** | |
| Kluster 7: Pengurusan Perkhidmatan Digital | Perancangan, pembangunan dan pelaksanaan perkhidmatan digital kerajaan secara cekap, mudah diakses, mesra pengguna, responsif dan berorientasikan pelanggan. |
| Kluster 8: Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | Perancangan, pembangunan dan pelaksanaan perkhidmatan guna sama dan perkhidmatan spesifik JDN secara cekap, mudah diakses, mesra pengguna, responsif dan berorientasikan pelanggan. |
| Kluster 9: Pengurusan Data | Pengurusan dan penyelarasan data kerajaan secara teratur, selamat dan berintegriti bagi menyokong pembuatan keputusan serta penyampaian perkhidmatan. |
| **STRATEGI TUMPUAN 3 - PENGURUSAN KERJAYA DAN KOMPETENSI PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT** | |
| Kluster 10: Pengurusan Kerjaya, Kompetensi dan Bakat | Pengurusan dan pembangunan kerjaya, peningkatan kompetensi, dan pengurusan bakat bagi melahirkan tenaga kerja Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat yang berkemahiran dan berdaya saing. |

## SENARAI DOKUMEN DASAR JABATAN DIGITAL NEGARA YANG BERKUATKUASA

## A. KATEGORI: AKTA

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN DIGITAL NEGARA** | | | | | |
| 1. | Akta Perkongsian Data 2025 [*Akta 864*] | 28 April 2025 | **Bahagian:** BKD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K9 – Pengurusan Data | Merupakan suatu akta yang memperuntukkan perkongsian data dalam kawalan sesuatu agensi sektor awam dengan agensi sektor awam lain, penubuhan Jawatankuasa Perkongsian Data Negara, fungsi dan kuasa Ketua Pengarah JDN berhubung dengan perkongsian data. Skop perkongsian data menurut Akta 864 ini hanya meliputi perkongsian data dalam kawalan agensi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan selaras dengan Fasal (1) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, di bawah Jentera Kerajaan Persekutuan. |

## B. KATEGORI: PELAN STRATEGIK DAN DASAR UMUM

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN DIGITAL NEGARA** | | | | | |
| 1. | Pelan Strategik Jabatan Digital Negara 2024-2026 *(Kegunaan dalaman JDN sahaja)* | 2024 | **Bahagian:** BPKK<br><br>**Sektor:** Pengurusan | **Strategi Tumpuan:** ST1 – Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K3 – Perancangan Strategik | Merupakan hala tuju Jabatan Digital Negara untuk 2 tahun iaitu 2024 hingga 2026. |
| 2. | Anjakan Strategi Digital First (ASDF) | 31 Mei 2025 | **Bahagian:** BPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST1 – Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K3 – Perancangan Strategik | Merupakan perubahan tumpuan dan strategi kerajaan untuk mengubah pendekatan perkhidmatan kerajaan kepada perkhidmatan keseluruhan kerajaan (*Whole-of-Government,* WoG). Dokumen ini menjelaskan berkaitan landskap pendigitalan, lakaran pendigitalan dan memperhebat peranan Ketua Pegawai Digital dalam transformasi perkhidmatan digital. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **MAMPU SEKTOR ICT** | | | | | |
| 3. | Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 | 2021 | **Bahagian:**<br>BSA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST1 – Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:**<br>K3 – Perancangan Strategik | Merupakan hala tuju sektor awam bagi pendigitalan untuk 5 tahun iaitu 2021 hingga 2025.<br><br>**Catatan**:<br>Hala tuju bagi pendigitalan sektor awam untuk tahun 2026 hingga 2030 sedang dimuktamadkan. |

## C. KATEGORI: PEKELILING

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN DIGITAL NEGARA** | | | | | |
| 1. | Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam (PPPA) Bilangan 1 Tahun 2025 Pengurusan Portal/Laman Web Agensi Sektor Awam | 12 Ogos 2025 | **Bahagian:** BKD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menyediakan panduan bagi pengurusan portal/laman web yang cekap dan berkesan selari dengan keperluan pendigitalan semasa. |
| 2. | Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam (PPPA) Bilangan 2 Tahun 2025 Pengurusan Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan (MyGov*Net) | 12 Ogos 2025 | **Bahagian:** BPG<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K8 - Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | Menjelaskan mengenai pengurusan perkhidmatan rangkaian telekomunikasi bersepadu kerajaan bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan adalah terkawal, selamat, mengikut tadbir urus dan tatakelola yang teratur. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam (PPPA) Bilangan 3 Tahun 2025<br>Tadbir Urus Perkhidmatan Komunikasi dan Kolaboratif Bersepadu Kerajaan (MyGovUC) | 12 Ogos 2025 | **Bahagian:**<br>BPG<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K8 - Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | Menjelaskan panduan mengenai Tadbir Urus Perkhidmatan Komunikasi dan Kolaboratif Bersepadu Kerajaan (MyGovUC). |
| 4. | Pekeliling Pendigitalan Perkhidmatan Awam (PPPA) Bilangan 4 Tahun 2025<br>Dasar Perkhidmatan Prasarana Kunci Awam Kerajaan (*Government Public Key Infrastructure* - MyGPKI) | 12 Ogos 2025 | **Bahagian:**<br>BPG<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K8 - Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | Menjelaskan dasar MyGPKI kepada agensi sektor awam bagi memantapkan tahap keselamatan data dan maklumat sistem ICT serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan. |
| **MAMPU SEKTOR ICT** | | | | | |
| 5. | Pekeliling Am (PA) Bilangan 6 Tahun 1999<br>Pelaksanaan Perkongsian Pintar antara Agensi-agensi Kerajaan dalam Bidang Teknologi | 15 Disember 1999 | **Bahagian:**<br>BPA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi tumpuan:**<br>S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi | Menyediakan garis panduan bagi pelaksanaan perkongsian pintar antara agensi-agensi Kerajaan dalam bidang pembangunan Teknologi Maklumat (IT) dan tindakan yang perlu diambil oleh Agensi-agensi Kerajaan. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | Maklumat | | | **Kluster:**<br>K3 - Perancangan Strategik | **<u>Catatan:</u>**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 6. | Pekeliling Am (PA) Bilangan 2 Tahun 2002 Penggunaan Dan Pemakaian Data Dictionary Sektor Awam (DDSA) Sebagai Standard di Agensi-agensi Kerajaan | 2 September 2002 | **Bahagian:**<br>BKD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K9 - Pengurusan Data | Menjelaskan penggunaan DDSA sebagai standard di semua Agensi Kerajaan serta menerangkan tindakan yang perlu diambil oleh Agensi-agensi Kerajaan dalam melaksanakannya.<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 7. | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2003<br>Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan | 28 November 2003 | **Bahagian:**<br>BPG<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menerangkan tatacara penggunaan, pengarkiban, kawalan keselamatan, peranan dan tanggungjawab pentadbir termasuk pengguna mengenai internet dan mel elektronik. Garis panduan ini mengandungi amalan-amalan terbaik penggunaan internet dan mel elektronik yang patut diikuti oleh semua anggota perkhidmatan awam. |
| 8. | Pekeliling Am (PA) Bilangan 2 Tahun 2006 Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan | 13 November 2006 | **Bahagian:**<br>BSA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST1 - Pemantapan perancangan dan Pengurusan Digital | Menerangkan mengenai pengukuhan tadbir urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawahnya. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | **Kluster:**<br>K1 - Tadbir Urus | **<u>Catatan:</u>**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 9. | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 2 Tahun 2008<br>Panduan Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Menerusi Penggunaan Kios di Agensi-agensi Kerajaan | 16 Oktober 2008 | **Bahagian:**<br>BPA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Memberi penjelasan mengenai tatacara dan mekanisme menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan menerusi penggunaan kios di Agensi-agensi Kerajaan. Panduan ini mengandungi maklumat mengenai ciri-ciri sebuah kios dan langkah-langkah terperinci dalam mewujudkan perkhidmatan menerusi kios. |
| 10. | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 3 Tahun 2008<br>Panduan Menambahbaik Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Menerusi Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) | 25 November 2008 | **Bahagian:**<br>BPA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Memberi panduan mengenai tatacara dan mekanisme menambahbaik perkhidmatan kerajaan menerusi SMS di Agensi-agensi Kerajaan dan langkah - langkah yang perlu diambil dalam melaksanakan sistem perkhidmatan pesanan menerusi SMS di Agensi-agensi Kerajaan.<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| 11. | Pekeliling Am (PA) Bilangan 1 Tahun 2015 Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam | 30 September 2015 | **Bahagian:** BKD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K9 - Pengurusan Data | Menyediakan garis panduan dalam pelaksanaan data terbuka agensi Sektor Awam bagi menggalakkan perkongsian data, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan lebih mudah, cepat dan telus serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi Negara.<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 12. | Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bilangan 1 Tahun 2017 Pelaksanaan Analitis Data Raya Sektor Awam (aDRSA) | 3 Januari 2017 | **Bahagian:** BKD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K9 - Pengurusan Data | Memberi panduan kepada agensi Sektor Awam bagi melaksanakan Analitis Data Raya dengan mengguna pakai kaedah atau metodologi yang bersesuaian ke arah meningkatkan produktiviti dan kecekapan perkhidmatan awam.<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 13. | Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bilangan 3 Tahun 2018 Panduan Pengurusan | 1 Mac 2018 | **Bahagian:** BPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi | Memberi panduan yang sistematik dan menyeluruh tentang aspek pengurusan projek ICT melalui Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA). Panduan PPrISA mengandungi tatacara untuk |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | Projek ICT Sektor Awam (PPrISA) | | | **Kluster:**<br>K3 - Perancangan Strategik | melaksanakan projek-projek ICT dari Fasa Permulaan ke Fasa Perancangan, seterusnya ke Fasa Pelaksanaan dan Kawalan dan akhir sekali ke Fasa Penamatan.<br><br>**Catatan:**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 14. | Pekeliling Perkhidmatan (PP) Bilangan 1 Tahun 2019<br>Pelaksanaan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (SME ICT) bagi Skim Perkhidmatan PTM | 24 April 2019 | **Bahagian:**<br>BSA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST3 - Pengurusan Kerjaya dan Kompetensi Perkhidmatan Teknologi Maklumat<br><br>**Kluster:**<br>K10 - Pengurusan Kerjaya, Kompetensi dan Bakat | Menjelaskan kaedah mengenai laluan kerjaya melalui SME bagi Skim Perkhidmatan PTM.<br><br>**Catatan:**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 15. | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2020<br>MyGovEA: Pelaksanaan Pendekatan Reka Bentuk Berstruktur Ekosistem | 4 Mac 2020 | **Bahagian:**<br>BPPD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi tumpuan:**<br>S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi | Memberikan panduan kepada organisasi menjalankan analisis, reka bentuk, perancangan dan pelaksanaan strategi melalui MyGovEA bagi membina amalan EA. Pelaksanaan EA membolehkan organisasi mengenal pasti dan memperkemas semula perkhidmatan |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | Organisasi Perkhidmatan Awam | | | **Kluster:**<br>K3 - Perancangan Strategik | yang disediakan dengan memahami struktur, fungsi, perkhidmatan, proses kerja, data yang digunakan serta aplikasi dan teknologi yang menyokong perkhidmatan organisasi. |
| 16. | Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2021<br>Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam | 10 Jun 2021 | **Bahagian:**<br>BPG<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menjelaskan dasar berhubung perkhidmatan pengkomputeran awan bagi agensi Sektor Awam dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan.<br><br>**Catatan:**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |

## D. KATEGORI: SURAT PEKELILING

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN DIGITAL NEGARA** | | | | | |
| 1. | Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 : Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam. | 16 Julai 2024 | **Bahagian:** BSA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K3 - Perancangan Strategik | Menyediakan panduan kepada Agensi Sektor Awam mengenai tatacara permohonan kelulusan teknikal dan pemantauan projek ICT. |

## E. KATEGORI: SURAT ARAHAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN DIGITAL NEGARA** | | | | | |
| 1. | Surat Ketua Setiausaha Negara Pelaksanaan Projek ICT Sektor Awam | 17 April 2025 | **Bahagian:** BSA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K3 - Perancangan Strategik Digital | Memaklumkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 28 Februari 2025 yang telah bersetuju dengan penilaian projek ICT yang dimantapkan. |
| **MAMPU SEKTOR ICT** | | | | | |
| 2. | Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara Bilangan 1 Tahun 2023 Pelaksanaan Single Sign-On (SSO) Aplikasi Kerajaan Selaras Dengan Inisiatif Identiti Digital Nasional (IDN) | 27 November 2023 | **Bahagian:** BPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Memperjelaskan mengenai penggunaan aplikasi IDN dalam pembangunan sistem ICT dan perlu diintegrasikan sebagai Log Masuk Tunggal kepada aplikasi yang terlibat. |

## F. KATEGORI: SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN DIGITAL NEGARA (SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA)** | | | | | |
| 1. | Tatacara Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13 RP1 2026 | 12 Julai 2024 | **Bahagian:** BSA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K4 - Pengurusan Perolehan dan Kewangan | Melicinkan pelaksanaan tatakelola pengurusan dan perolehan projek ICT bagi RMKe-13 RP1 tahun 2026. |
| 2. | Surat Arahan Ketua Pengarah JDN (SAKP) Bilangan 1 Tahun 2025 Garis Panduan Permohonan Ganjaran dan Pembiayaan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam | 4 Mac 2025 | **Bahagian:** BSA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K3 - Perancangan Strategik | Menyediakan panduan kepada agensi Sektor Awam bagi permohonan ganjaran dan pembiayaan KWAICT. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Surat Arahan Ketua Pengarah JDN (SAKP) Bilangan 2 Tahun 2025 Garis Panduan Perkhidmatan Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA) | 15 April 2025 | **Bahagian:** BPA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K8 - Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | Menerangkan mengenai perkhidmatan GAMMA untuk operasi sedia ada. |
| 4. | Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 3 Tahun 2025 Garis Panduan Pematuhan Reka Bentuk Dan Operasi Pusat Data Bagi Agensi Sektor Awam | 27 Mei 2025 | **Bahagian:** BPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Membantu agensi Sektor Awam bagi memahami keperluan dan kepentingan reka bentuk dan pengoperasian pusat data yang mematuhi piawaian; membangunkan dan melaksanakan pelan reka bentuk dan pengoperasian pusat data yang komprehensif; meningkatkan keandalan, ketersediaan, dan keselamatan pusat data; dan memastikan kesinambungan perkhidmatan awam yang bergantung kepada pusat data. |
| 5. | Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 4 Tahun 2025 Garis Panduan | 27 Mei 2025 | **Bahagian:** BPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan | Menyediakan kemudahan kepada Agensi Sektor Awam dalam menggunakan MyGovBC tanpa memerlukan pembangunan infrastruktur yang kompleks; menjamin keselamatan, |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pengurusan Perkhidmatan Rantaian Blok (Blockchain) MyGovBC Bagi Agensi Sektor Awam | | | **Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | ketelusan dan integriti data dalam setiap transaksi yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan; dan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan melalui automasi kontrak pintar dan pemprosesan secara desentralisasi. |
| 6. | Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 5 Tahun 2025<br>Garis Panduan Pembangunan Dan Pengoperasian Rangkaian Kawasan Setempat (Local Area Network, LAN) Sektor Awam | 2 September 2025 | **Bahagian:**<br>BPD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Memaklumkan mengenai Garis Panduan Pembangunan dan Pengoperasian Rangkaian Kawasan Setempat (Local Area Network, LAN) Sektor Awam bagi membantu agensi di Sektor Awam membuat perancangan, pengoperasian, pengurusan, penyelenggaraan dan pemantauan LAN di agensi masing-masing. |
| 7. | Surat Arahan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara Bilangan 6 Tahun 2025<br>Garis Panduan Pelaksanaan Perkongsian Data Sektor Awam | 24 September 2025 | **Bahagian:**<br>BKD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K9 - Pengurusan Data | Menjelaskan mengenai panduan dan tatacara perkongsian data di bawah Akta Perkongsian Data 2025 [*Akta 864*]. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **MAMPU SEKTOR ICT (SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH MAMPU)** | | | | | |
| 8. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 1 Tahun 2007 Langkah-langkah Mengenai Penggunaan Mel Elektronik Di Agensi-agensi Kerajaan | 1 Jun 2007 | **Bahagian:** BPG<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menyediakan panduan bagi penngguaan emel elektronik di agensi Kerajaan. |
| 9. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 3 Tahun 2007 Langkah-Langkah Pemantapan Pelaksanaan Sistem Mel Elektronik Di Agensi-agensi Kerajaan | 23 November 2007 | **Bahagian:** BPG<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menyediakan panduan berhubung penggunaan e-mel serta langkah-langkah untuk memperkemaskan pengendalian e-mel rasmi di agensi-agensi Kerajaan. |
| 10. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 1 Tahun 2010 Garis Panduan Transisi Protokol Internet Versi 6 (IPV6) Sektor Awam | 4 Januari 2010 | **Bahagian:** BPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan | Menyediakan panduan transisi IPv6 kepada agensi Sektor Awam.<br><br>**<u>Catatan:</u>**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | **Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | |
| 11. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 3 Tahun 2010 Pelaksanaan Nombor MyKad sebagai MyID di Agensi Sektor Awam | 25 Januari 2010 | **Bahagian:**<br>BPD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | MyID merupakan inisiatif kerajaan untuk memudahkan urusan rakyat dengan agensi-agensi Kerajaan berdasarkan penggunaan nombor MyKad sebagai rujukan tunggal individu. Surat ini dikeluarkan agar agensi-agensi Kerajaan terlibat melaksanakan penggunaan nombor My Kad untuk urusan rasmi Kerajaan |
| 12. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 6 Tahun 2010 Pemantapan Penggunaan dan Pengurusan E-Mel Di Agensi-agensi Kerajaan | 1 Julai 2010 | **Bahagian:**<br>BPG<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menyediakan panduan bagi memantapkan dan memperkasa pengurusan dan penggunaan e-mel di kalangan penjawat awam melalui 40 langkah-langkah yang melibatkan pengguna dan pentadbir e-mel. |
| 13. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 2 Tahun 2015 Pelaksanaan dan | 26 Mei 2015 | **Bahagian:**<br>BKD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan | Memaklumkan pelaksanaan DDMS yang merupakan inisiatif Pelaksanaan Kerajaan Tanpa Kertas (Paperless Government) bertujuan untuk mempertingkatkan penyampaian |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | Penggunaan Aplikasi Digital Document Management System (DDMS) Sektor Awam | | | **Kluster:**<br>K8 - Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | perkhidmatan dan capaian rekod awam.<br><br>**Catatan:**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 14. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 1 Tahun 2016 Pelaksanaan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Menggunakan Sistem Aplikasi PROFIL Projek ICT Sektor Awam (PROFIT) Agensi Sektor Awam | 19 Februari 2016 | **Bahagian:**<br>BSA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi tumpuan:**<br>S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:**<br>K3 – Perancangan Strategik | Memaklumkan mengenai penggunaan Sistem PROFIT di agensi masing-masing bagi mengemukakan permohonan pihka iCT untuk kelulusan teknikal, memantau dan melapor status kemajuan pembangunan serta pelaksanaan projek ICT yang telah diluluskan<br><br>**Catatan:**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |
| 15. | Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU (SAKP) Bilangan 1 Tahun 2022 Garis Panduan Pelaksanaan Aplikasi Pemesejan Segera | 31 Januari 2022 | **Bahagian:**<br>BPD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan | Menjelaskan pelaksanaan aplikasi GovChat di agensi Sektor Awam.<br><br>**Catatan:**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | GovChat di Agensi Sektor Awam | | | **Kluster:**<br>K8 - Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | |
| 16. | Surat Arahan Ketua Pengarah (SAKP) MAMPU Bilangan 1 Tahun 2023 Pelaksanaan Pengurusan Portfolio Aplikasi Kerajaan Melalui Penggunaan Sistem Repositori Aplikasi Sektor Awam (RASA) | 10 Julai 2023 | **Bahagian:**<br>BPPD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K8 - Pengurusan Perkhidmatan Digital Spesifik | Memaklumkan mengenai pelaksanaan pengurusan portfolio aplikasi kerajaan melalui penggunaan sistem RASA sebagai rujukan kepada agensi Kerajaan. Sistem ini menyimpan maklumat mengenai dasar dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam. |
| 17. | Surat Arahan Ketua Pengarah (SAKP) MAMPU Bilangan 2 Tahun 2023 Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam | 30 Ogos 2023 | **Bahagian:**<br>BPD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi tumpuan:**<br>S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:**<br>K3 - Perancangan Strategik | Menyediakan garis panduan standard yang menjadi rujukan agensi sektor awam dalam penyediaan pelan strategik pendigitalan.<br><br>**Catatan:**<br>Dokumen dasar ini dalam tindakan penambahbaikan. |

## G. KATEGORI: GARIS PANDUAN

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN DIGITAL NEGARA** | | | | | |
| 1. | Garis Panduan Pengadaptasian Kecerdasan Buatan (AI) Sektor Awam | 27 Februari 2025 | **Bahagian:** BPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Memberi panduan kepada Agensi-agensi Sektor Awam berkaitan rangka kerja strategik bagi mengadaptasikan AI secara bertanggungjawab dan beretika. |
| 2. | Panduan Wajah Digital Lobi Kerajaan | 28 April 2025 | **Bahagian:** BSA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K5 - Pengurusan Persekitaran Digital | Mewujudkan imej baharu kepada lobi pejabat kerajaan melalui penggunaan teknologi digital. Inisiatif yang diperkenalkan ini merupakan sebahagian daripada usaha pendigitalan Kerajaan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dan maklumat kepada orang awam yang berurusan di premis kerajaan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| 3. | Panduan Ketua Pegawai Digital (CDO) Sektor Awam | 30 Mei 2025 | **Bahagian:** BSA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K2 - Pengurusan Kepimpinan Digital | Membantu CDO di sektor awam memahami tugas dan peranan masing-masing sebagai peneraju pendigitalan di agensi masing-masing. Dokumen ini merangkumi beberapa aspek penting yang merangkumi pemantapan peranan dan pengurusan CDO Sektor Awam. Pembangunan dokumen ini juga menyokong aspirasi Anjakan Strategi Digital First yang diperkenalkan oleh JDN pada Jun 2024. |
| 4. | Panduan Penyenaraian Perkhidmatan Kerajaan | 23 Jun 2025 | **Bahagian:** BPPD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** S1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menerangkan kaedah penamaan dan penyenaraian perkhidmatan kerajaan dalam talian secara E2E yang disediakan oleh agensi sektor awam kepada pelanggan yang merangkumi aspek penggunaan terma yang piawai. |
| 5. | Bidang Pengkhususan ICT (BPICT) Perkhidmatan Sistem Maklumat Versi 1.0 | 1 Disember 2025 | **Bahagian:** BSA<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi tumpuan:** ST3 - Pengurusan Kerjaya dan Kompetensi Perkhidmatan Teknologi Maklumat | Menyeragamkan kompetensi pegawai ICT merentas kementerian dan agensi, menyediakan asas bagi perancangan pembangunan kerjaya serta menyokong proses pengambilan, penempatan tugas dan pembangunan latihan secara lebih sistematik. Kerangka ini turut membantu |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | **Kluster:**<br>K10 - Pengurusan Kerjaya, Kompetensi dan Bakat | memastikan peranan serta tanggungjawab pegawai jelas mengikut gred jawatan seterusnya memudahkan perancangan kapasiti dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan digital organisasi. |
| **MAMPU SEKTOR ICT** | | | | | |
| 6. | Garis Panduan Bilangan 1 Tahun 2003<br>Standards, Policies and Guidelines<br>Malaysian Government Interoperability Framework (MyGIF)<br>Version 1.0 | 17 Ogos 2003 | **Bahagian:**<br>BPA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Menggariskan perincian cadangan hasil penyelidikan dan analisis yang dijalankan dalam membangunkan Rangka Kerja Malaysian Government Interoperability Framework (MyGIF). Dokumen ini mengandungi set minimum piawaian ICT dan spesifikasi teknikal yang mengawal komunikasi sistem, aliran maklumat, pertukaran data dan proses bisnes yang berkaitan dengan Kementerian, Agensi dan Jabatan. MyGIF merangkumi lima bidang Interoperability iaitu Interconnection, Data Integration, Information Access, Security dan Metadata. |
| 7. | Garis Panduan Bilangan 1 Tahun 2006<br>The Malaysian Government Interoperability | 1 Februari 2006 | **Bahagian:**<br>BPA<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan | Menggariskan cadangan terperinci hasil penyelidikan dan analisis yang dijalankan dalam membangunkan Rangka Kerja Malaysian Government Interoperability Framework untuk Perisian Sumber |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | Framework For Open Source Software (MyGIFOSS) | | | **Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Terbuka (MyGIFOSS). Dokumen ini mengandungi maklumat mengenai Perisian Sumber Terbuka (OSS), standard terbuka and spesifikasi teknikal yang disyorkan untuk digunapakai di Malaysia. MyGIFOSS merupakan dokumen tambahan kepada Malaysian Government Interoperability Framework versi 1.0 (MyGIF) yang bertujuan untuk memberi panduan kepada Agensi Kerajaan dalam penggunaan dan migrasi ke OSS dalam kerangka ICT agensi. |
| 8. | Buku Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) | 8 Oktober 2019 | **Bahagian:**<br>BPD<br><br>**Sektor:**<br>Digital | **Strategi Tumpuan:**<br>ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:**<br>K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Merupakan panduan bagi proses pembangunan sistem aplikasi dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan aktiviti serta hasil kerja (*deliverables*) yang perlu dihasilkan dalam setiap fasa kitar hayat pembangunan sistem. |

## H. KATEGORI: ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA *(Untuk kegunaan warga Jabatan Digital Negara sahaja)*

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JDN (APKP) Bil. 1 Tahun 2024 - Polisi Keselamatan Siber JDN *(Kegunaan dalaman JDN sahaja)* | 25 Julai 2024 | **Bahagian:** BTM<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST2 - Pemanfaatan Pendigitalan Dalam Sistem Penyampaian Perkhidmatan<br><br>**Kluster:** K7 - Pengurusan Perkhidmatan Digital | Mewujudkan rangka kerja yang komprehensif dalam melindungi aset maklumat JDN daripada ancaman dan kerentanan yang mungkin timbul. Polisi ini bertujuan untuk memastikan kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan maklumat, sambil mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang relevan. Dengan wujudnya PKS JDN ini, diharapkan pengurusan keselamatan data dan maklumat di jabatan ini akan menjadi lebih efisien dan efektif, serta dapat meningkatkan tahap jaminan keselamatan yang lebih tinggi. |
| 2. | Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JDN (APKP) Bil. 1 Tahun 2025 - Garis Panduan Penyediaan Dokumen Dasar JDN | 10 Mac 2025 | **Bahagian:** BDD<br><br>**Sektor:** Digital | **Strategi Tumpuan:** ST1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurasan Digital/Organisasi | Panduan dalaman kepada warga JDN bagi penyediaan dokumen Dasar JDN. |

| Bil. | Nama Dokumen Dasar | Tarikh Kuatkuasa | Pemilik | Tumpuan Dasar | Sinopsis |
|---|---|---|---|---|---|
| | *(Kegunaan dalaman JDN sahaja)* | | | **Kluster:**<br>K1 - Tadbir Urus | |
| 3. | Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah JDN (APKP) Bil. 2 Tahun 2025 - Garis Panduan Permohonan Kelulusan Melakukan Pekerjaan Luar Jabatan Digital Negara<br>*(Kegunaan dalaman JDN sahaja)* | 28 November 2025 | **Bahagian:**<br>UI<br><br>**Sektor:**<br>Pengurusan | **Strategi Tumpuan:**<br>ST1 - Pemantapan Perancangan dan Pengurusan Digital/Organisasi<br><br>**Kluster:**<br>K1 - Tadbir Urus | Panduan dan rujukan rasmi kepada semua warga JDN berhubung pelaksanaan pekerjaan luar. Ini bagi memastikan setiap permohonan mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Ketua Jabatan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. |